




## **1.0 PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang**

Perlindungan Varieti Tumbuhan atau dikenali juga sebagai Hak Pembiak Baka merupakan suatu bentuk Hak Harta Intelek yang memberikan pembiak baka hak eksklusif untuk mengawal eksploitasi varieti baru tumbuhan yang telah mereka bangukan. Hak ini bukan sahaja dapat memastikan pembiak baka mendapat pulangan pelaburan malah membolehkan mereka memperoleh faedah di atas daya inovasi dan kreativiti.




Pelaksanaan Sistem Perlindungan Varieti Tumbuhan di Malaysia adalah berdasarkan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PVBT 2004). Akta ini telah diwartakan pada 1 Julai 2004 dan mula dilaksanakan pada 20 Oktober 2008.

### **1.2 Objektif Akta PVBT 2004**



-  Memberi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baru tumbuhan
-  Memberi pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan pribumi terhadap pewujudan varieti baru tumbuhan
-  Menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta

### **1.3 Definisi Varieti**

"Varieti" ditakrifkan sebagai suatu kumpulan tumbuhan dalam satu taksonomi botani tunggal daripada peringkat terendah yang diketahui serta:

-  Dapat ditakrifkan dengan pemaparan ciri-ciri hasil daripada satu genotip tertentu atau gabungan genotip
-  Dapat dibezakan daripada mana-mana kumpulan tumbuhan dengan pemaparan sekurang-kurangnya satu daripada ciri-ciri sedemikian
-  Dapat dianggap sebagai suatu unit berkenaan dengan kesesuaiannya untuk dibiakkan tanpa sebarang perubahan

### **1.4 Lembaga Varieti Tumbuhan**

-  Lembaga Varieti Tumbuhan merupakan suatu entiti yang bertanggungjawab mentadbir dan menetapkan Sistem Perlindungan Varieti Tumbuhan di bawah Akta PVBT 2004.
-  Sekretariat kepada Lembaga Varieti Tumbuhan adalah Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan (PVPRO), Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia.

## **2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

### **2.1 Genera dan Spesies yang Dilindungi**

Terbuka kepada semua jenis tumbuhan kecuali mikroorganisma.

## 2.2 Larangan Pendaftaran

Varieti tumbuhan berikut adalah dilarang untuk didaftarkan dan diberikan hak pembiak baka:

- ☑ Varieti yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau prinsip moral
- ☑ Varieti yang penanaman, penghasilan semula atau penggunaannya boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap alam sekitar

## 2.3 Pemohon yang Layak

Permohonan hanya boleh dibuat oleh:

- ☑ Pembiak baka;
- ☑ Majikan pembiak baka;
- ☑ Pengganti dalam hak milik pembiak baka;
- ☑ Petani, masyarakat tempatan atau pribumi yang telah menjalankan fungsi seorang pembiak baka;
- ☑ Mana-mana agensi kerajaan atau badan berkanun yang telah menjalankan fungsi pembiak baka.

Agen adalah diperlukan bagi pemohon berikut:

PEMOHON	AGEN
Pemohon dari luar negara	Pemastautin atau mereka yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia
Sekumpulan petani	Pemastautin atau mereka yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia
Masyarakat tempatan atau pribumi	Pihak berkuasa yang mewakili masyarakat tempatan atau pribumi

## 2.4 Kriteria-Kriteria Permohonan

Varieti yang ingin didaftarkan sebagai varieti baru tumbuhan dan diberikan hak pembiak baka perlulah memenuhi syarat-syarat berikut:

PERUNTUKAN	KRITERIA
Seksyen 14(1)	Nama Pengenalan, Baru, Berlainan, Seragam dan Stabil
Seksyen 14(2)*	Nama Pengenalan, Baru, Berlainan dan Boleh Dikenalpasti

\* hanya untuk varieti yang dibiakkan, atau ditemui dan dibangunkan oleh petani tradisional, masyarakat tempatan atau pribumi.

### (A) Nama Pengenalan

- ☑ Nama atau pengenalan sesuatu varieti tumbuhan yang dinyatakan dengan abjad atau gabungan abjad dan angka. Syarat-syarat penamaan:
  - Merupakan gelaran bagi genetik varieti tumbuhan
  - membolehkan varieti tumbuhan dikenalpasti
  - tidak boleh semata-mata terdiri daripada angka
  - berbeza daripada nama pengenalan varieti tumbuhan lain dalam spesies yang sama atau spesies yang dekat hubungannya

- tidak bertentangan dengan kepentingan awam atau prinsip moral dan
- tidak menyebabkan kekeliruan berkenaan dengan ciri atau identiti pembiak baka varieti.

☑ Nama pengenalan hendaklah digunakan apabila varieti tumbuhan dijual secara komersil dan boleh dipaparkan bersama-sama dengan cap dagangan yang dimiliki pemegang hak pembiak baka. Namun, nama pengenalan hendaklah berbeza dengan cap dagangan.

☑ Penamaan varieti perlu mematuhi Perkara 9 dalam Garispanduan Pentadbiran untuk Permohonan dan Pendaftaran Varieti Baru Tumbuhan.

(B) Baru

☑ Pada tarikh pemfailan, bahan pembiakan atau tuaian varieti telah dijual atau dilupuskan secara komersil dengan persetujuan pembiak baka:

☑ di Malaysia – kurang dari satu (1) tahun

☑ di negara lain –

- kurang dari 6 tahun bagi pokok dan tumbuhan berkayu menjalar
- kurang dari 4 tahun bagi tumbuhan lain

Contoh:

VARIETI	SITUASI	STATUS BARU
Varieti A	Tarikh Pemfailan : <b>20 Oktober 2009</b> Tarikh Jualan Pertama (di Malaysia): <b>03 Julai 2008</b>	<b>X</b>
Varieti B	Tarikh Pemfailan : <b>20 Oktober 2009</b> Tarikh Jualan Pertama (di Malaysia): <b>31 Oktober 2008</b>	✓

(C) Berlainan

☑ Pada tarikh pemfailan, varieti tumbuhan dapat dibezakan dengan jelas daripada mana-mana varieti tumbuhan lain yang diketahui umum.

Contoh : Perbezaan pada warna



Varieti A



Varieti Diketahui Umum



Varieti Diketahui Umum

(D) Seragam

☑ Seragam jika, tertakluk kepada perubahan yang dapat dijangka daripada sifat tertentu pembiakannya, varieti tumbuhan itu seragam dengan secukupnya dalam ciri-cirinya yang berkaitan.

Contoh:

### VARIETI B



Pokok 1

Pokok 2


Pokok 3

Pokok 4

#### (E) Stabil

- Stabil jika ciri-ciri yang berkaitan tidak berubah selepas pembiakan berulang kali atau pada penghujung setiap kitaran dalam hal kitaran pembiakan tertentu.

Contoh:



Bahan Asal

Generasi 1

Generasi 2

Generasi N

#### (F) Boleh Dikenalpasti

- Sesuatu varieti tumbuhan boleh dikenalpasti jika –

- Varieti tumbuhan dapat dibezakan daripada mana-mana kumpulan tumbuhan yang lain melalui pemaparan satu ciri dan ciri tersebut dapat dikenalpasti dalam tumbuhan individu atau dalam suatu kumpulan tumbuh-tumbuhan
- Ciri-ciri tersebut boleh dikenal pasti oleh mana-mana \*orang yang mahir dalam bidang yang berkaitan

\*merujuk kepada Pegawai Pemeriksa yang dilantik oleh Lembaga Varieti Tumbuhan

### 3.0 PROSEDUR PERMOHONAN DAN PEMERIKSAAN UNTUK PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA

#### 3.1 Carta Alir Permohonan



Rajah 3.1: Carta alir menunjukkan prosedur dari permohonan ke pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka.

#### (A) Permohonan

☑ Semua permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka perlulah disertai dengan dokumen-dokumen berikut:




- 🌿 Borang PVBT 1 **ATAU**  
Borang PVBT 2 (untuk permohonan di bawah peruntukan seksyen 14(2) sahaja)
- 🌿 Soal Selidik Teknikal tanaman berkaitan bersama gambar varieti
- 🌿 Surat Perlantikan Agen (sekiranya berkaitan)
- 🌿 Salinan Permit Import atau Sijil Fitosanitasi (sekiranya berkaitan)
- 🌿 Dokumen sokongan daripada pihak berwajib (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar) bagi varieti baru tumbuhan yang dibangunkan secara pengubahsuaian genetik
- 🌿 Fi pemfailan

- ☑ Satu set borang permohonan adalah untuk satu varieti sahaja. Permohonan berserta dokumen yang berkaitan perlu diserahkan kepada Lembaga Varieti Tumbuhan di:

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan (PVPRO)**  
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**  
**Jabatan Pertanian Malaysia**  
**Wisma Tani, Aras 7, No. 30**  
**Persiaran Perdana, Presint 4**  
**62624 Putrajaya**





(B) Tarikh Pemfailan

- ☑ Tarikh pemfailan adalah tarikh permohonan diterima dengan syarat kehendak-kehendak berikut telah dipatuhi:

-  Borang lengkap
-  Penyerahan semua dokumen berkaitan
-  Bayaran fi pemfailan

(C) Pemeriksaan permulaan




- ☑ Pada peringkat ini, pemeriksaan dilakukan terhadap:

-  Kesan varieti terhadap ketenteraman awam atau prinsip moral
-  Kesan negatif terhadap alam sekitar;
-  Kesesuaian Nama Pengenalan
-  Pemeriksaan awal Status Baru.

- ☑ Sekiranya syarat-syarat di atas telah dipatuhi, suatu notis pemberitahuan akan dihantar kepada pemohon.

(D) Pemeriksaan Substantif




- ☑ Permintaan untuk pemeriksaan substantif hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan diterima. Permintaan untuk pemeriksaan substantif-

-  Melengkapkan Borang PVBT 3
-  Bayaran Fi permintaan untuk pemeriksaan substantif
-  Penyerahan bahan pembiakan yang diperlukan bagi maksud pemeriksaan substantif (jika diminta)

- ☑ Pemeriksaan akan dilakukan terhadap kriteria-kriteria berikut-

-  Status Baru
-  Kelainan
-  Keseragaman
-  Kestabilan
-  Boleh Dikenalpasti

- ☑ 3 kaedah pemeriksaan substantif-

-  Pemeriksaan dokumen
-  pemeriksaan di tapak
-  Ujian penanaman

- ☑ Kaedah pemeriksaan bagi suatu permohonan ditentukan dengan mengambil kira jenis permohonan, genera dan spesies tumbuhan serta faktor-faktor penentu lain.

- ☑ Pemeriksaan substantif akan dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa yang dilantik oleh Lembaga Varieti Tumbuhan dan keputusan pemeriksaan akan dilaporkan kepada Lembaga untuk dinilai.





(E) Penilaian oleh Lembaga

- ☑ Lembaga akan menilai laporan pemeriksaan substantif yang dikemukakan oleh Pegawai Pemeriksa. Sekiranya Lembaga berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan, permohonan akan diwartakan dalam Warta Kerajaan.


(F) Pewartaan kali pertama


- ☑ Permohonan yang diwartakan kali pertama dalam Warta Kerajaan akan dibuka kepada bangkangan selama 3 bulan dari tarikh penyiaran.


- ☑ Bangkangan boleh dibuat atas alasan-alasan berikut:-


-  Orang yang membangkang berhak kepada hak pembiak baka berbanding pemohon
-  Kehendak akta tidak dipatuhi
-  Bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral
-  Boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap alam sekitar.


- ☑ Proses Bangkangan


-  Pembangkang perlu mengemukakan bangkangannya kepada PVPRO selaku Sekretariat kepada Lembaga Varieti Tumbuhan menggunakan Borang PVBT 4.


-  Sekretariat akan mengemukakan notis bangkangan kepada pemohon dan meminta pemohon untuk mengemukakan jawapan kepada Sekretariat dan pembangkang.


-  Pemohon perlu mengemukakan jawapannya dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis bangkangan diterima dengan menggunakan Borang PVBT 5. Sekiranya pemohon gagal memberi jawapan dalam tempoh tersebut, Sekretariat boleh melanjutkan tempoh selama 14 hari lagi. Sekiranya jawapan masih tidak diterima maka permohonan bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan tersebut akan ditolak.

-  Sekiranya jawapan diterima, Sekretariat akan menghantar notis kepada pemohon dan pembangkang untuk mengemukakan keterangan dokumentar bagi membuktikan dakwaan mereka menggunakan Borang PVBT 6 dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diterima.

-  Kegagalan pembangkang mengemukakan keterangan dokumentar dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan bangkangan ditolak. Manakala kegagalan pemohon mengemukakan keterangan dokumentar akan menyebabkan permohonan dianggap telah ditinggalkan dan hak pembiak baka tidak akan diberi.

-  Sekiranya keterangan dokumentar dari pembangkang dan pemohon diterima, Sekretariat akan meneliti keterangan dokumentar dari kedua-dua pihak. Lembaga akan dirujuk bagi memutuskan samaada permohonan bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan diterima atau ditolak.

-  Keputusan Lembaga berserta alasannya akan dimaklumkan kepada pemohon dan pembangkang dalam tempoh 2 bulan dari tarikh keputusan dibuat.




\*Keterangan dokumentar adalah dokumen sokongan yang menyokong hujah dakwaan/tuntutan pembangkang dan pemohon.

**Rajah 3.2: Prosedur bangkangan terhadap sesuatu permohonan**

(G) Deposit Sampel


- ☑ "Sampel" merujuk kepada biji benih atau bahan pembiakan lain yang boleh digunakan untuk pertumbuhan semula.




**Rajah 3.3: Prosedur berkaitan deposit sampel**

- ☑ Sampel hendaklah dihantar ke pusat yang diluluskan oleh Lembaga dalam masa 3 bulan dari tarikh notis diterima.
- ☑ Kuantiti sampel yang diperlukan adalah seperti berikut:
  - ☑ Biji benih – 1000 biji atau 10 gram (yang mana sesuai)
  - ☑ Bahan pembiakan lain – 10 pokok
- ☑ Lembaga boleh meluluskan sampel disimpan di premis pembiak baka selepas mengambil kira perkara-perkara berikut:
  - ☑ Keselamatan varieti amat penting kepada pembiak baka
  - ☑ Lokasi tapak pembiak baka terletak di dalam Malaysia

 Sampel akan diselenggara dengan baik dan boleh diakses oleh pegawai dari PVPRO dari semasa ke semasa


 Deposit sampel boleh dikecualikan bagi varieti temperat luar negara yang tidak sesuai ditanam di Malaysia, bergantung kepada keputusan Lembaga


(H) Pendaftaran dan Pewartaan Kali Kedua



**Rajah 3.4 Aktiviti berkaitan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka**

(I) Pembaharuan Hak

 Adalah menjadi tanggungjawab pemegang hak untuk memperbaharui haknya setiap tahun apabila dimaklumkan oleh PVPRO.

 Pembaharuan adalah percuma.



 Kegagalan untuk memperbaharui hak boleh menyebabkan hak pembiak baka dibatalkan.

**3.2 Borang dan Fi**

BIL.	PERKARA	BORANG	FI (RM)
1.	Pemfailan (setiap permohonan)	PVBT 1 atau PVBT 2	100.00
2.	Permintaan untuk pemeriksaan substantif (a) Pemeriksaan Dokumen (b) Pemeriksaan Di Tapak (c) Ujian Penanaman (d) Ujian Penanaman kali kemudian (jika perlu)	PVBT 3	500.00 1,500.00 2,500.00 1,000.00
3.	Bangkangan	PVBT 4	-
4.	Jawapan daripada pemohon	PVBT 5	-

5.	Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan	PVBT 6	-
6.	Sijil perakuan pendaftaran (permohonan di bawah seksyen 14(1) Akta)	PVBT 7	-
7.	Sijil perakuan pendaftaran (permohonan di bawah seksyen 14(2) Akta)	PVBT 8	-
8.	Permintaan untuk salinan atau cabutan Daftar Varieti Bar Tumbuhan yang diperakui	PVBT 9	10.00
9.	Permohonan lesen wajib	PVBT 10	-
10.	Permohonan untuk penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka	PVBT 11	100.00

**Jadual 3.1: Senarai borang dan fi bagi permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka**

-  Borang boleh diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan atau dimuat turun dari <http://pvpbkkt.doa.gov.my>.
-  Pembayaran perlu dibuat dalam bentuk wang tunai, wang pos, kiriman wang atau bank draf sahaja dan dibuat kepada KETUA PENGARAH PERTANIAN, JABATAN PERTANIAN MALAYSIA.











#### 4.0 PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA







##### 4.1 Tempoh Hak Pembiak Baka

Hak pembiak baka mula berkuat kuasa dari tarikh pemfailan permohonan dan sah selama:-











JENIS PERMOHONAN	TEMPOH HAK PEMBIAK BAKA
Peruntukan di bawah Seksyen 14(1)	20 tahun 25 tahun (pokok dan tumbuhan menjalar berkayu / tumbuhan jangka panjang)
Peruntukan di bawah Seksyen 14(2)	15 tahun 25 tahun (pokok dan tumbuhan menjalar berkayu / tumbuhan jangka panjang)

##### 4.2 Skop Hak Pembiak Baka






-  Pemegang hak varieti tumbuhan berdaftar boleh melakukan aktiviti-aktiviti berikut secara komersil:-
  -  Menghasil atau menghasilkan semula
  -  Menyesuaikan untuk tujuan pembiakan
  -  Menawarkan untuk jualan
  -  Memasarkan, termasuk menjual
  -  Mengeksport dan mengimport
  -  Menyimpan bahan untuk tujuan yang tersebut di atas
-  Hak pembiak baka juga meliputi:-
  -  Bahan pembiakan dan bahan tuaian varieti tumbuhan berdaftar atau mana-mana bahagian varieti tumbuhan jika bahan pembiakan varieti tumbuhan itu diperolehi dengan cara yang tidak dibenarkan daripada varieti tumbuhan berdaftar
  -  Varieti tumbuhan terbitan yang diterbitkan daripada varieti tumbuhan berdaftar

-  Varieti tumbuhan yang tidak dapat dibezakan dengan jelas daripada varieti tumbuhan berdaftar
-  Varieti yang penghasilannya memerlukan penggunaan varieti tumbuhan berdaftar secara berulang kali
-  "Varieti tumbuhan terbitan daripada varieti tumbuhan berdaftar" merujuk kepada varieti tumbuhan yang -
  -  Kebanyakannya diterbitkan daripada varieti tumbuhan berdaftar, atau daripada suatu varieti tumbuhan yang kebanyakannya diterbitkan daripada varieti tumbuhan berdaftar, sambil mengekalkan pemaparan ciri-ciri asasnya yang dihasilkan daripada genotip atau gabungan genotip varieti tumbuhan berdaftar
  -  Dapat dibezakan dengan jelas daripada varieti tumbuhan berdaftar
  -  Kecuali bagi perbezaan yang timbul kerana perbuatan penerbitan, menyamai varieti tumbuhan berdaftar dalam pemaparan ciri-ciri asas yang timbul daripada genotip atau gabungan genotip varieti tumbuhan berdaftar







### 4.3 Batasan Hak Pembiak Baka

-  Hak pembiak baka tidak meliputi:-
  -  Perbuatan secara persendirian dan tidak komersil
  -  Perbuatan bagi maksud uji kaji
  -  Pembiakbakaan varieti tumbuhan lain (kecuali jika varieti tumbuhan itu pada asasnya diterbitkan daripada varieti tumbuhan berdaftar)
  -  Aktiviti-aktiviti oleh "petani kecil" berikut:-
    - pembiakan menggunakan bahan tuaian varieti yang ditanam di tanah sendiri
    - pertukaran bahan pembiakan dalam amaun yang munasabah
    - penjualan biji benih dari ladang sendiri dalam keadaan biji benih tidak dapat digunakan di tanah sendiri disebabkan oleh faktor-faktor diluar kawalan petani (amaun yang dijual tidak melebihi keperluan tanah sendiri)
-  "Petani kecil" – petani yang mempunyai saiz tanah untuk perusahaan ladang tidak melebihi 0.2 hektar.
-  Hak Pembiak Baka yang diberikan tidak terpakai untuk bahan-bahan varieti tumbuhan berdaftar yang telah dijual di Malaysia secara komersil dengan kebenaran pembiak baka, KECUALI bagi tujuan berikut:
  -  Pembiakan lanjut varieti tumbuhan berdaftar
  -  Pengeksportan bahan ke negara yang tidak melindungi varieti dari genus atau spesies varieti tumbuhan berdaftar tersebut
  -  Pengeksportan bahan bukan untuk penggunaan terakhir




### 4.4 Ketaksahan Hak Pembiak Baka

-  Hak pembiak baka boleh ditaksahkan atas sebab-sebab berikut:
  -  Pemegang hak memberi maklumat atau pernyataan palsu atau mengelirukan berkaitan permohonan
  -  Pemegang hak tidak mematuhi kehendak Akta ini
  -  Hak pembiak baka sebenarnya kepunyaan orang lain (kecuali penyerahhakan telah dilakukan)
-  Ketaksahan berkuat kuasa dari tarikh pemberian hak pembiak baka.

#### 4.5 Pembatalan Hak Pemiak Baka

-  Hak pemiak baka boleh dibatalkan atas sebab-sebab berikut:
  -  Pemegang gagal memberi maklumat, kemudahan atau bahan pembiakan yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang telah ditetapkan
  -  Pemegang gagal membayar fi yang dikenakan
  -  Varieti tumbuhan berdaftar gagal menunjukkan secara berterusan kriteria - kriteria pendaftaran dan pemberian hak pemiak baka
  -  Pemegang melanggar terma dan syarat sebagai seorang pemegang
  -  Pemegang membenarkan penggunaan sampel varieti tumbuhan berdaftar yang dideposit dipusat yang diluluskan oleh Lembaga tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Lembaga.

#### 4.6 Penyerahhakan atau Perpindahan Hak Pemiak Baka



-  Hak pemiak baka atau permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pemiak baka boleh diserahhakan atau berpindah dengan kelulusan Lembaga kepada:-
  -  Wakil diri di sisi undang-undang bagi pemegang atau pemohon
  -  Orang yang berhak mengenai penyerahhakan atau perpindahan itu melalui kuat kuasa undang-undang

### 5.0 KESALAHAN DAN HUKUMAN

BIL.	KESALAHAN	HUKUMAN
1.	Memberikan butiran, maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkenaan sesuatu permohonan.	Denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
2.	Perlanggaran terma dan syarat dan penggunaan sampel yang dideposit di pusat diluluskan Lembaga tanpa kebenaran.	Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

**Jadual 5.1: Senarai kesalahan dan hukuman bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pemiak baka.**

### 6.0 PERLANGGARAN

-  Perlanggaran berlaku apabila pihak ketiga melakukan aktiviti-aktiviti yang hanya dibenarkan dilakukan oleh pemegang hak varieti berdaftar tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran pemegang hak tersebut.
-  Pemegang hak berhak untuk memulakan prosiding mahkamah terhadap sesiapa yang telah melanggar atau sedang melanggar haknya.